

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld 3 (77)

1 Oktober 2024
27 Rabi'ul Awal 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 34 /2024

PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS PENGURUSAN DOKUMEN PERUNDANGAN DAN DOKUMEN POLISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 16 pada 11 September 2024 telah meluluskan Penambahbaikan Tadbir Urus Pengurusan Dokumen Perundangan dan Dokumen Polisi di Universiti Teknologi Malaysia. Penambahbaikan tadbir urus ini melibatkan pengurusan kelulusan bagi Dokumen Perundangan (Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan) dan Dokumen Polisi (Dasar, Polisi, Prosedur dan Garis Panduan) serta penubuhan Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti (JKGDU) bagi menggantikan Jawatankuasa Dasar dan Entiti Universiti (JKDEU) serta Jawatankuasa Teknikal Dasar dan Entiti Universiti (JKTDEU).

2. Objektif utama penambahbaikan pengurusan Dokumen Perundangan dan Dokumen Polisi serta penubuhan Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti (JKGDU) adalah bagi memastikan proses yang lebih kejat dan mempercepatkan proses semakan dan kelulusan berkaitan Dokumen Perundangan serta Dokumen Polisi Universiti selain meningkatkan **agility** governan Universiti dalam memacu kecemerlangan Universiti.
3. Penubuhan JKGDU akan berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2024** dan dilampirkan jadual yang menyatakan dengan jelas berkaitan skop Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti dan peringkat kelulusan. Sebagai makluman juga, berikutan penambahbaikan ini, Universiti juga akan menambahbaik Polisi dan Prosedur Tadbir Urus Dokumen Polisi Universiti yang telah berkuatkuasa pada 9 Julai 2019.
4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan tadbir urus Dokumen Perundangan dan Dokumen Polisi serta penubuhan Jawatankuasa Governan dan Dasar Universiti (JKGDU). Maklumat lanjut berhubung JKGDU boleh dirujuk ke Seksyen Governan dan Dasar, Jabatan Pendaftar atau boleh layari laman sesawang, <https://registrar.utm.my/governan/jkgdu/>.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- | | | |
|-----|---|---|
| s.k | - | Naib Canselor |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
| | - | Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur) |
| | - | Pengarah, UTM Kampus Pagoh |
| | - | Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah |

LAMPIRAN 1 :
SKOP JAWATANKUASA GOVERNAN DAN DASAR UNIVERSITI

Asal			Baru			Catatan
Pusat Tanggungjawab	Skop	Jawatan-kuasa	Pusat Tanggungjawab	Skop	Jawatan-kuasa	
Penasihat Undang-undang	Pengurusan Dokumen Perundangan (Statut, Kaedah dan Peraturan)	Jawatankuasa Dokumen Perundangan	Sek Govenan, Jabatan Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan Dokumen Perundangan (Statut, Kaedah dan Peraturan) Pengurusan Dokumen Polisi (Dasar, Polisi, Prosedur dan Garis Panduan) Struktur dan Entiti Universiti 	Jawatan-kuasa Governan dan Dasar Universiti (JKGDU)	<p>Pengurusan Dokumen perundangan dan polisi disatukan di bawah satu jawatankuasa. PUU merupakan ahli dalam Jawatankuasa ini.</p> <p>Mengambilkira statut Pendaftar selaku <i>custodian</i> dokumen dan rekod Universiti</p>
Seksyen Governan	Dokumen Polisi (Dasar, Polisi, Prosedur dan Garis Panduan)	JKTDEU JKDEU				

LAMPIRAN 2 :
PERINGKAT KELULUSAN DOKUMEN PERUNDANGAN DAN DOKUMEN POLISI

JENIS DOKUMEN/ PERINGKAT JAWATANKUASA	DOKUMEN PERUNDANGAN				DOKUMEN POLISI				**PROSEDUR & GARIS PANDUAN BERKAITAN KUASA LPU
	PERLEMBAGAAN	STATUT	KAEDAH	PERATURAN	DASAR	POLISI BERKAITAN KUASA LPU	POLISI		
JAWATANKUASA GOVERNAN DAN DASAR UNIVERSITI	Syor	Syor	Syor	Syor	Syor	Syor	Perakuan	Syor	
JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JPU)	Syor	Perakuan	Perakuan	Perakuan	Perakuan	Perakuan	Kelulusan	Perakuan	
*SENAT	Syor	Perakuan	Perakuan	Perakuan	Perakuan	Perakuan	Kelulusan	Perakuan	
*LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	Perakuan	Perakuan	Perakuan / Kelulusan	Kelulusan	Kelulusan	Kelulusan	Makluman	Kelulusan	
JABATAN PEGUAM NEGARA/ KPT	Semakan	Perakuan	Kelulusan *yang melibatkan kuasa menteri	-	-	-	-	-	
CANSELOR	-	Kelulusan	-	-	-	-	-	-	
KABINET	Kelulusan	-	-	-	-	-	-	-	

* Lembaga Pengarah Universiti dan Senat boleh masing-masing memperakukan dalam bidang tanggungjawab masing-masing

** Prosedur dan Garis Panduan yang bukan berkaitan kuasa LPU diluluskan di peringkat Jabatan

LAMPIRAN 3 :
PERINGKAT KELULUSAN PENUBUHAN, PENSTRUKTURAN DAN PENJUMUDAN ENTITI UNIVERSITI

ENTITI/ PERINGKAT JAWATANKUASA	ENTITI		
	AKADEMIK	PENYELIDIKAN	PERKHIDMATAN & PENTADBIRAN
JAWATANKUASA GOVERNAN DAN DASAR	Perakuan	Perakuan	Syor/ Perakuan
**JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JPU)	Kelulusan *melibatkan implikasi kewangan dan sumber lain	Kelulusan *melibatkan implikasi kewangan dan sumber lain	Perakuan/ Kelulusan
**SENAT	Kelulusan	Kelulusan	-
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	Kelulusan *melibatkan implikasi kewangan	Kelulusan *melibatkan implikasi kewangan	Kelulusan *melibatkan implikasi kewangan
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI	Perakuan	Perakuan	-

****Permohonan kelulusan di peringkat JPU dan Senat boleh dimajukan secara serentak**